



**TEKS UCAPAN  
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA  
SEMPENA  
MAJLIS PENUTUPAN  
KEMPEN PEMILIKAN RUMAH NEGERI MELAKA 2021  
DAN MAJLIS PELANCARAN  
REHDA MELAKA FB E-PROPERTIES ADVERTISEMENT**

**TARIKH: 11 APRIL 2021 (AHAD), MASA: 11.45 PAGI  
DI AEON MALL, BANDARAYA MELAKA  
(WAKIL: YB DATUK SERI HJ. ABDUL GHAFAR BIN ATAN)**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Allahuma Solli Ála Sayyidina Muhammad Waála Ali  
Sayyidina Muhammad.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam  
Sejahtera, dan

**Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,  
Menggamit Dunia;**

**Terima kasih saudara pengacara majlis,**

## **(SALUTASI DI ATAS ROSTRUM)**

### **MUKADIMAH**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, pada hari ini kita dapat bersama-sama berkumpul di Majlis Penutupan Kempen Pemilikan Rumah Negeri Melaka 2021 dan Majlis Pelancaran REHDA Melaka FB E-Properties Advertisement.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak YAB Datuk Seri Utama Hj. Sulaiman bin Md. Ali, Ketua Menteri Melaka, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia Cawangan Melaka (REHDA Melaka) atas jemputan kepada saya untuk hadir di majlis ini.
  
3. Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada REHDA Melaka kerana terus memikul tanggungjawab untuk menganjurkan Kempen Pameran Perumahan dan Hartanah secara konsisten sejak tahun 1999, walaupun Melaka masih

dalam Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) akibat krisis kesihatan global COVID-19.

4. Saya yakin kempen seperti ini membolehkan para pemaju perumahan mempromosikan produk mereka kepada bakal pembeli rumah dan seterusnya membantu pihak Kerajaan Negeri merealisasikan visi-**Satu Keluarga Sebuah Rumah**. Usaha seperti ini sudah pastinya akan membantu Kerajaan Negeri menggerakkan kembali pertumbuhan ekonomi negeri pada tahap potensinya.

5. Pada perspektif yang sama, saya juga cukup kagum dengan inisiatif REHDA Melaka FB E-Properties Advertisement yang bertujuan membantu ahli-ahlinya untuk mempromosikan hartanah dalam platform digital. Ekonomi dan perniagaan yang berasaskan urusan digital adalah begitu pantas dan relevan pada masa akan datang.
  
6. Justeru itu, saya amat yakin bahawa usaha REHDA Melaka ini dapat membuka jalan untuk para pemaju ke arah gerbang hartanah pendigitalan untuk peluang perniagaan yang lebih cepat dan lebih besar pada bila-bila masa dan di mana saja.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

### **KEMPEN PEMILIKAN RUMAH (HOC)**

7. **Kempen Pemilikan Rumah (HOC)** telah dilancarkan semula oleh Kerajaan di bawah **Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)** untuk menyokong perniagaan dan memperkukuhkan ekonomi negara akibat kesan pandemik COVID-19. Ia merupakan salah satu inisiatif kerjasama Kerajaan dengan REHDA untuk meningkatkan peratusan pemilikan

rakyat sekali gus menangani isu hartanah yang tidak terjual.

8. Untuk makluman semua, pembeli rumah dapat menikmati pelbagai insentif sepanjang tempoh tempoh HOC, seperti: -
  - I. Pengecualian Duti Setem ke atas Surat Cara Pindah Milik (*Memorandum of Transfer*) bagi pembelian rumah kediaman yang bernilai melebihi RM300,000 hingga RM2.5 juta, terhad kepada RM1 juta pertama



nilai rumah tersebut dan 3% kepada baki selebihnya;  
dan

- II. Pengecualian Duti Setem ke atas Surat Cara Perjanjian Pinjaman (*Loan Agreement*) bagi pembelian rumah kediaman yang bernilai melebihi RM300,000 hingga RM2.5 juta, bagi jualan yang dimuktamadkan antara 1 Jun 2020 sehingga 31 Mei 2021.
  
9. Sehubungan dengan itu, saya mengucapkan tahniah kepada REHDA Melaka atas usaha menjayakan kempen pemilikan rumah 2019 di peringkat Negeri Melaka dengan membantu Kerajaan untuk

mencatatkan transaksi sebanyak **3,007** unit rumah bernilai **RM1.3 bilion**.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi sekalian,

10. Saya dimaklumkan bahawa Kempen Pemilikan Rumah kali ini disertai oleh **2 agensi Kerajaan** dan **13 pemaju perumahan swasta** dengan **40 projek** di Negeri Melaka. Selain daripada hartanah perumahan HOC yang berdaftar, pembeli juga berpeluang mendapatkan informasi pelbagai jenis hartanah

mampu milik di bawah Lembaga Perumahan Melaka dan PR1MA.

11. Terdapat juga hartanah komersial dan industri yang dipromosikan oleh pemaju sempena pameran ini. Tanpa ragu-ragu, pameran Kempen HOC-MAPEX ini sememangnya merupakan satu platform unggul kepada pembeli untuk memiliki rumah dan hartanah idaman berdasarkan kemampuan dan cita rasa masing-masing. Justeru, saya berharap Kempen HOC-MAPEX 2021 ini akan terus mencapai objektif yang disasarkan dan terus memberikan impak positif

dalam memperkasakan sektor perumahan di Negeri Melaka.

Hadirin dan hadirat sekalian,

12. Pihak Kerajaan Negeri Melaka sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan dan pandangan daripada semua pihak demi manfaat kemajuan dan kepentingan Negeri Melaka. Namun, sebarang cadangan yang diterima oleh Kerajaan Negeri akan dikaji dengan teliti mengikut kesesuaian dan keperluan Negeri Melaka dari semasa ke semasa.

13. Kerajaan negeri akan terus menjalin kerjasama rapat dengan REHDA Melaka dan pemaju swasta. Oleh itu, maklum balas dan cadangan yang dikemukakan oleh pihak REHDA Melaka mengenai Dasar Perumahan Negeri Melaka sudah pastinya akan dikaji, diteliti dan dipertimbangkan sewajarnya oleh Pihak Kerajaan Negeri demi manfaat rakyat dan perkembangan industri pembangunan di Negeri Melaka.
  
14. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penutupan Kempen Pemilikan Rumah Negeri Melaka dan Pelancaran REHDA Melaka FB E-Properties

Advertisement anjuran Persatuan Pemaju Hartanah  
dan Perumahan Malaysia Cawangan Melaka.

Sekian, Terima kasih.